

**PENGETAHUAN, PANDANGAN DAN KESEDIAAN MENGGUNAKAN SULH
DALAM KALANGAN ORANG ISLAM DI SELANGOR**

Sa'odah Ahmad*

Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
saodahahmad@upm.edu.my

Mohammad Arif Johari

Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Rojanah Kahar

Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Muslihah Hasbullah

Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Elistina Abu Bakar

Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

**Corresponding Author*

Received Date: 1 Julai 2024 Accepted Date: 1 September 2024 Published Date: 20 December 2024

ABSTRAK

Kesejahteraan keluarga menjadi agenda dalam Dasar Keluarga Negara. Prinsip 6 menghendaki undang-undang, program dan dasar yang digubal perlulah mesra keluarga. Strategi 2 pula memfokuskan advokasi yang mengutamakan kesejahteraan keluarga. Mahkamah Syariah telah memperkenalkan kaedah penyelesaian pertikaian alternatif (sulh) bagi memberi peluang kepada mereka yang mempunyai pertikaian keluarga untuk menyelesaikannya secara tidak formal dan konstruktif di luar sistem mahkamah. Namun, sulh bukanlah proses yang mandatori. Oleh itu, ia tidak begitu popular berbanding dengan perbicaraan penuh di mahkamah. Kajian ini bertujuan untuk menentukan perkaitan antara umur, pengetahuan, pandangan dan kesediaan menggunakan sulh dalam kalangan orang Islam di Selangor. Kajian ini menggunakan reka bentuk korelasi, keratan rentas dan pendekatan kuantitatif melalui borang soal selidik yang ditadbir sendiri oleh responden kajian. Responden terdiri daripada peserta kursus pra-perkahwinan yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara pengetahuan, pandangan dan kesediaan menggunakan sulh sebagai kaedah alternatif dalam menyelesaikan masalah keluarga. Hasil

ujian regresi pula menunjukkan pandangan adalah faktor peramal yang paling mempengaruhi kesiediaan menggunakan sulh dalam kalangan orang Islam di Selangor. Dapatan ini memberi implikasi bahawa sebarang inisiatif atau program untuk menggalakkan kesiediaan menggunakan sulh sebagai kaedah pilihan penyelesaian pertikaian dalam kalangan orang Islam perlu memberi penekanan kepada aspek pembinaan pengetahuan dan pandangan yang positif terhadap sulh.

Kata kunci: *Pengetahuan, Pandangan, Kesiediaan, Sulh, Pertikaian Keluarga*

KNOWLEDGE, VIEWS AND READINESS TO USE SULH AMONG MUSLIMS IN SELANGOR

ABSTRACT

Family well-being is a National Family Policy agenda. Principle 6 requires that laws, programmes and policies enacted must be family-friendly. Strategy 2 focuses on advocacy that prioritises family well-being. The Syariah Court has introduced an alternative dispute resolution (Sulh) method to enable those who have family disputes to resolve them informally and constructively outside the court system. However, sulh is not a mandatory process. Thus, it is not as popularly used as a full trial. This study aims to determine the relationship between knowledge, view and willingness to use sulh among Muslims in Selangor. This study uses a correlational and cross-sectional design, and a quantitative approach through a questionnaire self-administered by the study respondents. The respondents were selected from the participants in a premarital course organised by the Selangor Department of Islamic Religion. The results show a significant relationship between age, knowledge, views and willingness to use Sulh as an alternative method to solve family problems. The regression test shows that view is the predictor factor that most influence willingness to use sulh among Muslims in Selangor. This statement implies that any initiative or programme to promote the readiness to use sulh as a preferred method of dispute resolution among Muslims must emphasise the aspect of knowledge building and a positive view of sulh.

Keywords: *Knowledge, Views, Readiness, Sulh, Family Disputes*

PENDAHULUAN

Sulh telah diperkenalkan sebagai kaedah penyelesaian pertikaian alternatif sejak tahun 2000 bermula di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) dengan tujuan serampang dua mata iaitu untuk membantu mahkamah syariah mengurangkan kes-kes pertikaian keluarga yang tertunggak dan memberi peluang pihak-pihak bertikai dengan dibantu oleh mediator (Pegawai Sulh) berbincang untuk menyelesaikan pertikaian mereka secara tidak formal dan konstruktif. Undang-undang prosidur yang terpakai adalah Kaedah Sulh Mahkamah Syariah Selangor 2001. Melalui sulh, elemen kesejahteraan emosi pihak-pihak yang bertikai yang tidak diambil kira sebagai hujah dalam perbicaraan boleh diberi perhatian yang sewajarnya. Pemakaian sulh untuk menyelesaikan pertikaian adalah secara sukarela dan bukan mandatori.

Kajian empirikal berkaitan pemakaian sulh di JAKESS dari perspektif orang Islam sebagai pengguna masih terhad. Kajian lepas lebih tertumpu kepada kedudukan sulh dalam undang-undang Islam (Towpek et al., 2023; Nur Khalidah et al., 2017; Sa'odah & Nora, 2010),

peranan pegawai sulh (Mohd Fuad & Jamilah, 2015), sumbangan sulh dalam mengurangkan kadar kes tertunggak dan kepuasan pihak bertikai yang menggunakan proses sulh di Mahkamah Syariah (Sa'odah, 2010; Sa'odah et al., 2013). Justeru, dapatan kajian ini mengisi jurang kajian dengan menyediakan data empirikal berkaitan pengetahuan, pandangan dan kesediaan orang Islam untuk menggunakan proses sulh sebagai kaedah alternatif (selain daripada mahkamah) bagi menyelesaikan pertikaian keluarga. Kajian ini juga selari dengan prinsip dan strategi Dasar Keluarga Negara yang memfokus kepada perundangan, program dan dasar yang perlu mesra keluarga serta aktiviti advokasi yang mengutamakan kesejahteraan keluarga.

SULH SEBAGAI KAEDAH ALTERNATIF DALAM PENYELESAIAN PERTIKAIAN KELUARGA

Sulh merujuk kepada majlis perbincangan bersama di antara pihak-pihak yang terlibat di dalam suatu pertikaian, melibatkan satu atau lebih tuntutan di Mahkamah Syariah Selangor dengan dipengerusikan oleh Pegawai Sulh dan seandainya satu persetujuan secara damai tercapai secara sukarela antara kedua-dua pihak, ianya akan di rekodkan oleh Hakim sebagai satu perintah mahkamah tanpa melalui proses perbicaraan (Mahkamah Syariah Selangor, 2024).

Sulh yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah adalah berasaskan daripada dalil syarie. Firman Allah s.w.t dalam Surah An Nisa:128 yang bermaksud:

“Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya “nushuz” (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami/isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua, (secara yang sebaik-baiknya) kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai).”

Bidang kuasa syarak turut digariskan secara jelas dalam hadis Rasulullah s.a.w:

“Sulh itu antara kalangan Muslim adalah suatu yang harus kecuali adalah yang mengharamkan sesuatu perkara yang halal atau sulh yang menghalal suatu yang haram,” (Riwayat At Tirmidzi).

Selain daripada itu, Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) 1/2001 berkenaan Kod Etika Hakim secara jelas menyatakan bahawa antara etika Hakim semasa dalam Mahkamah adalah menggalakkan sulh - “(j) menggalakkan pihak-pihak menyelesaikan pertelingkahan mereka dan mencapai persetujuan secara sulh dalam kes-kes mal di mana-mana peringkat sebelum dia memberi penghakiman;”

Sulh hanya bermula setelah kes didaftarkan di Mahkamah Syariah kerana ia adalah sebahagian daripada prosedur mahkamah (*court annexed*). Setiap Pegawai Sulh (mediator) terikat dengan mahkamah dan tidak dibenarkan untuk melakukan sulh selain daripada kes yang diarahkan. Secara amalan, kes-kes sulh didaftarkan mengikut kesesuaian tuntutan oleh Pendaftar, terdapat juga kes yang diperintahkan oleh Hakim Bicara untuk diselesaikan melalui kaedah sulh secara serta merta. Keadaan ini berlaku apabila Hakim berpendapat prospek untuk sesuatu kes diselesaikan melalui sulh lebih cepat adalah lebih besar berbanding dengan proses litigasi di dalam dewan bicara. Pemakaian sulh di Mahkamah Syariah masih lagi terhad di mana ia hanya digunapakai bagi kes-kes kekeluargaan atau Mal sahaja (Mohamad Ridzuan, 2009).

Sebagai perbandingan, mediasi (sulh) di barat telah lama diamalkan iaitu sejak tahun 1970an dan kini menjadi kaedah utama dalam penyelesaian kes yang berkaitan pertikaian keluarga. Mediasi keluarga berjaya mencapai keputusan yang lebih baik daripada Keputusan melalui prosidur perbicaraan di mahkamah. Hakim Brooke dalam kes *Dunnett v Rairack* [2002] 2All ER 850 berkata,

“Skilled mediators are now able to achieve results satisfactory to both parties in many cases which are quite beyond the power of lawyers and courts to achieve...by which the parties shake hands at the end and feel that they have gone away having settled the dispute on terms with which they are happy to live.”

Di Eropah, Singapura dan Norway, mediasi adalah mandatori terutamanya dalam kes-kes keluarga yang melibatkan kewangan dan penjagaan anak-anak (Dickenson, 2023; Korsakoveine, 2023; Chua, 2019; Tjersland et al., 2015). Pihak yang bertikai perlu mempunyai sijil mediasi bagi membuktikan kepada mahkamah bahawa mereka telah cuba untuk menyelesaikan pertikaian mereka secara konstruktif tetapi gagal sebelum dibenarkan untuk memfailkan kes bagi perbicaraan penuh di mahkamah. Hebahan dan pemakluman mengenai mediasi disebarkan kepada masyarakat umum bagi menyediakan mereka dengan proses tersebut. Berlainan pula senarionya di Malaysia, di mana mediasi di Mahkamah Sivil dan sulh di Mahkamah Syariah adalah secara sukarela.

SULH DAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA

Kaedah Sulh telah diperkenalkan di Selangor pada tahun 2001 di mana ianya mengutamakan instrumen penyelesaian pertikaian secara perdamaian. Kaedah ini merupakan alternatif kepada kaedah perbicaraan yang kebiasaannya memakan masa yang lama dan melibatkan kos yang tinggi. Kaedah Sulh boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk tetapi bergantung kepada tuntutan atau permohonan yang dibawa oleh pihak bertikai. Ini termasuk rundingcara atau kaunseling rumahtangga, Hakam dan Jawatankuasa Pendamai dalam isu syiqaq atau perbalahan dalam masalah rumah tangga dan Majlis Sulh atau mediasi. Majlis Sulh dihadiri oleh pihak-pihak itu sendiri. Tuntutan atau permohonan yang dibuat mestilah melibatkan hak dan tanggungjawab dalam hal ehwal kekeluargaan Islam di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Secara umumnya negeri-negeri di Malaysia telah memasukkan peruntukan mengenai sulh dalam enakmen tatacara mal (sivil) masing-masing. Inisiatif ini telah dimulakan oleh Selangor pada tahun 2001, Wilayah Persekutuan, Johor dan Melaka pada tahun 2004, Pahang pada tahun 2005 dan Pulau Pinang pada tahun 2006. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pula telah mengeluarkan Perintah Amalan 3 pada tahun 2002, Manual Kerja Sulh 2002 dan Kod Etika Sulh 2002 bagi membantu pegawai-pegawai sulh (mediator) menjalankan tugas mereka secara professional dan lebih berkesan. Di Wilayah-Wilayah Persekutuan peruntukan undang-undang boleh didapati dalam seksyen-seksyen 98, 131 dan 246(1)(c) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1998 dan Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 2004. Manakala di Selangor peruntukan undang-undang berkaitan boleh didapati dalam Seksyen-seksyen 94, 99 dan 131 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Selangor 2003 dan Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001 (KTMS 2001).

Menurut Kaedah 3, KTMS 2001, apabila pihak-pihak yang bertikai membuat pendaftaran kes di Mahkamah Syariah, adalah menjadi tanggungjawab Pendaftar untuk mengenalpasti samada terdapat kewajaran untuk kes diselesaikan melalui kaedah sulh. Jika terdapat kewajaran, Pendaftar akan memaklumkan kepada pihak-pihak yang bertikai mengenai Majlis Sulh. Jika pihak-pihak bertikai memilih untuk menyelesaikan pertikaian mereka melalui Majlis Sulh, kes mereka akan didaftarkan sebagai kes sulh dan tarikh Majlis Sulh akan ditetapkan dalam tempoh 21 hari. Pemilihan untuk menggunakan sulh dalam menuntut hak-hak selepas perceraian mestilah secara sukarela (Sa'odah & Nora, 2010a). Dengan kata lain, jika setelah dimaklumkan tentang alternatif untuk menggunakan Majlis Sulh, pihak-pihak yang bertikai masih mahu meneruskan tuntutan melalui perbicaraan, Pendaftar tidak boleh menolak pilihan mereka. Kewajipan Pendaftar adalah dalam memaklumkan kepada pihak-pihak bertikai tentang kewujudan sulh sebagai kaedah penyelesaian pertikaian alternatif dan bukan mewajibkan pihak-pihak bertikai memilih sulh sebagai kaedah penyelesaian pertikaian mereka (Sa'odah & Nora, 2010).

Pegawai Sulh perlu memberikan perhatian dan mematuhi prosedur Sulh seperti yang termaktub di dalam Manual Kerja Sulh JKSM dan Pekeliling Ketua Hakim MSS 1/2002 (Kod Etika Pegawai Sulh dan Manual Kerja Sulh MSS), Pekeliling Ketua Hakim MSS 9/2002 [Bidangkuasa Pegawai Sulh (Hakim)], Arahan Amalan JKSM 3/2002 (Pemakaian Sulh), Arahan Amalan JKSM 7/2002 (Cara menyimpan dan Melupakan Catatan Pegawai Sulh) dan Arahan Amalan JKSM 8/2002 (Prosedur Penyerahan Notis Sulh). Prosedur sulh akan bermula dari pendaftaran dan akan berakhir sehingga selesai kes tersebut di Mahkamah.

Menurut Seksyen 99 Enakmen Tatacara Mal 2003 (Selangor), sulh boleh dijalankan pada mana-mana peringkat prosiding perbicaraan. Peruntukan ini menunjukkan bahawa sulh masih boleh dilakukan walaupun kes telah dalam peringkat perbicaraan. Jika sewaktu perbicaraan hakim merasakan kes lebih wajar diselesaikan melalui Majlis Sulh, hakim akan menangguhkan perbicaraan dan mengarahkan pihak-pihak bertikai untuk melalui proses sulh. Peranan hakim dan pertikaian mereka. Walaupun demikian, pemilihan untuk menggunakan kaedah sulh itu mestilah secara sukarela dan bukan kerana dipaksa. Dalam kes *Norlia Bte Abd Aziz lwn. Md Yusof bin A Rahman* [2004] 5 MLJ 538 ini, tiga daripada empat tuntutan harta sepencarian akibat perceraian berjaya diselesaikan.

Antara bentuk pertikaian yang sangat digalakkan untuk diselesaikan melalui kaedah sulh adalah yang pertikaian berkaitan harta pusaka; tuntutan berkaitan tanggungjawab dalam perkahwinan seperti nafkah isteri dan anak yang gagal dilaksanakan; tuntutan hak-hak selepas perceraian seperti gantirugi perceraian (mut'ah), harta sepencarian, nafkah iddah, hak penjagaan anak (hadhanah) dan nafkah anak (Sa'odah & Nora, 2010a). Dalam konteks perceraian, sulh hanya digunakan untuk mencapai kata sepakat dalam hal tuntutan hak-hak yang timbul selepas perceraian dan bukannya medan untuk pasangan berbincang samada ingin bercerai atau meneruskan perkahwinan (Kaedah 1(2) KTMS 2001). Daripada penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa kaedah sulh merupakan satu pendekatan mediasi keluarga yang diamalkan di Mahkamah Syariah Malaysia.

KEBERKESANAN SULH

Kajian oleh Mohd Fuad dan Jamilah (2015) mendapati bahawa perundingan dan perbincangan yang berkesan melalui sulh, adalah kaedah terbaik dalam menyelesaikan konflik mal (sivil) pasangan suami isteri berbangsa Melayu. Dalam aspek kepuasan terhadap proses sulh, kajian

oleh Sa'odah (2010) mendapati 87 peratus (n=100) klien di Selangor berpuas hati dengan proses sulh dan penyelesaian yang dicapai. Manakala 67 peratus klien (n= 83) berpuas hati dengan proses sulh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (Sa'odah, 2010; Sa'odah, Rojanah dan Muslihah, 2013). Selain daripada kejayaan mencapai penyelesaian pertikaian, mediasi keluarga juga berjaya menjimatkan kos kewangan. Klien sulh di Mahkamah Syariah Malaysia tidak dikenakan bayaran bagi perkhidmatan pegawai sulh yang mengendalikan Majlis Sulh. Klien hanya menanggung kos perjalanan atau pengangkutan untuk menghadiri Majlis Sulh sahaja.

Kajian Zaleha (2004) mendapati pemakaian sulh telah berjaya menyelesaikan kes-kes perceraian dalam tempoh kurang dari satu tahun: 36.8 peratus pada tahun 2002 berbanding 4.1 peratus pada tahun 2001, 4.7 peratus pada tahun 2000 dan 4.3 peratus pada tahun 1999. Majoriti kes (88.6 peratus) berjaya diselesaikan dalam tempoh tiga bulan atau kurang. Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh JAKESS pada tahun 2023, 71 peratus kes sulh yang didaftarkan berjaya diselesaikan (JAKESS, 2024). Maka dapat disimpulkan di sisi di sini bahawa sulh adalah satu proses yang mempunyai banyak kelebihan dan berpotensi tinggi dalam menyelesaikan pertikaian keluarga secara baik.

PENGETAHUAN DAN PANDANGAN PEMAKAIAAN SULH DALAM KALANGAN ORANG ISLAM

Pemakaian sulh di Mahkamah Syariah untuk menyelesaikan pertikaian keluarga adalah secara sukarela dan bukan mandatori. Dalam kes yang melibatkan perceraian dan tuntutan yang berkaitan dengannya, pihak yang bertikai biasanya hanya tahu kewujudan sulh apabila mereka pergi mendaftar perceraian di mahkamah. Apabila suatu permohonan pendaftaran perceraian dikemukakan, Pendaftar adalah wajib untuk memaklumkan kepada mereka tentang kaedah sulh yang boleh digunakan selain daripada perbicaraan bagi membuat keputusan mengenai tuntutan selepas perceraian seperti hak penjagaan anak, harta sepencarian, mut'ah dan nafkah anak. Pihak yang bertikai diberi pilihan sama ada untuk memilih perbicaraan atau sulh bagi menyelesaikan tuntutan-tuntutan-tuntutan tersebut.

Penyebaran maklumat mengenai wujudnya sulh sebagai kaedah alternatif bagi menyelesaikan pertikaian keluarga dalam media elektronik dan cetak mungkin masih sangat kurang. Walaupun maklumat berkenaan sulh boleh diperolehi dalam laman sesawang Mahkamah, mungkin masyarakat Islam tidak mempunyai keperluan untuk mengunjungi laman sesawang tersebut dan ini menyebabkan penyebaran maklumat tidak meluas kepada orang awam. Dengan perkataan lain, orang Islam hanya tahu mengenai pilihan untuk menggunakan sulh sebagai kaedah alternatif dalam menyelesaikan pertikaian mereka apabila mereka berhadapan dengan masalah yang melibatkan undang-undang dan terpaksa berurusan dengan pihak mahkamah.

Setakat ini tiada lagi kajian yang mengukur pengetahuan dan pandangan orang Islam terhadap pemakaian sulh di Mahkamah Syariah Malaysia. Justeru, kajian ini amat signifikan bagi memperkayakan dapatan kajian dalam bidang dan mengisi kelompangan dalam literatur berkaitan pengetahuan, pandangan dan kesediaan masyarakat umum Islam terhadap pemakaian sulh dalam menyelesaikan pertelingkahan keluarga.


METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk Kajian

Reka bentuk korelasi dan deskriptif melalui kaedah kuantitatif telah digunakan untuk mendapatkan data mengenai pengetahuan, pandangan dan kesediaan orang Islam menggunakan sulh dalam menyelesaikan pertikaian keluarga.

Responden

Responden kajian ini terdiri daripada 421 peserta yang mengikuti kursus pra-perkahwinan di Jabatan Agama Islam, Shah Alam. Jabatan Agama Islam di Shah Alam dipilih kerana jumlah kehadiran peserta kursus pra-perkahwinan dan kekerapan pihak Jabatan Agama Islam mengadakan kursus adalah tinggi berbanding dengan Jabatan Agama Islam Daerah. Bagi mendapatkan bilangan saiz sampel (responden) yang betul dan mencukupi, formula pengiraan Yamane (1967) telah digunakan. Perkadaran populasi dan bilangan peserta kursus pra-perkahwinan (n) adalah sebanyak 5,720 orang (Jabatan Agama Islam Selangor, 2019).


$$n = \frac{N}{1 + N(e^2)}$$
$$n = \frac{5720}{1 + 5720(0.05^2)}$$

$$*n = 373.85, n = 421$$

Menurut formula di atas, n ialah saiz sampel (responden) yang diperlukan manakala nilai e adalah bersamaan dengan *confidence interval* = $\pm 5\%$, $e = 0.05$. Nilai saiz sampel yang diperolehi adalah sebanyak $n=373.85$. Nilai ini adalah nilai minimum untuk saiz sampel tersebut. Jumlah responden dalam kajian sebenar adalah sebanyak 421 orang.

Instrumentasi

Skala yang digunakan untuk mengukur pengetahuan, pandangan dan kesediaan orang Islam menggunakan sulh dalam menyelesaikan pertikaian keluarga telah dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan tinjauan literatur dan kajian berkaitan. Borang soal selidik yang ditadbirkan sendiri digunakan bagi proses pengumpulan data kajian. Terdapat empat bahagian dalam borang soal selidik yang digunakan: Bahagian A mengandungi maklumat demografi responden; Bahagian B mengukur pengetahuan responden mengenai sulh; Bahagian C mengukur pandangan responden mengenai pemakaian sulh dan Bahagian D mengukur kesediaan responden terhadap pemakaian sulh

Pengetahuan

Pengetahuan mengenai sulh diukur dengan menggunakan instrumen yang mengandungi 14 item. Skala yang digunakan adalah skala likert 3-poin iaitu 1 = betul, 2 = tidak pasti, 3 = salah. Contoh item ialah “Dalam perundangan Islam, sulh boleh digunakan untuk membuat keputusan dalam semua jenis pertikaian kecuali mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram.”

Pengetahuan, Pandangan dan Kesiediaan untuk Menggunakan Sulh dalam Kalangan Orang Islam di Selangor

Pandangan

Pandangan mengenai amalan sulh telah diukur menggunakan instrumen yang mengandungi 10 item. Skala yang digunakan adalah skala likert 7-poin iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = agak tidak setuju, 4 = neutral, 5 = agak setuju, 6 = setuju dan 7 = sangat setuju. Contoh item ialah “Sulh menghasilkan keputusan yang boleh memenuhi kepuasan pihak bertikai kerana mereka diberi peluang untuk berbincang dan mencapai keputusan yang terbaik.”

Kesediaan

Kesediaan menggunakan sulh telah diukur menggunakan instrumen yang mengandungi 6 item. Skala yang digunakan adalah skala likert 7-poin iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = agak tidak setuju, 4 = neutral, 5 = agak setuju, 6 = setuju dan 7 = sangat setuju. Contoh item ialah “Saya bersedia untuk menggunakan sulh dalam menyelesaikan pertikaian keluarga”.

Prosedur Kajian

Sebelum data kajian dikumpul, kelulusan etika daripada Jawatankuasa Etika Universiti Putra Malaysia diperolehi terlebih dahulu. Ini bagi memastikan kajian ini mempunyai amalan dan tata cara kajian yang baik dengan mengambil kira kejujuran intelektual, ketepatan, keadilan, harta intelektual dan perlindungan terhadap individu yang terlibat dalam kajian ini. Surat kebenaran daripada Jabatan Agama Selangor untuk melibatkan peserta kursus sebagai responden kajian turut diperolehi sebelum proses pengumpulan data dilakukan. Satu kajian rintis telah dilakukan sebelum kajian sebenar bagi menguji kebolehpercayaan dan kesahan instrumen soal selidik. Dapatan menunjukkan ketiga-tiga skala dalam borang soal selidik mencapai nilai Cronbach alpha melebihi 0.7 yang membuktikan semua skala boleh dipercayai dan sah untuk mengukur pemboleh ubah kajian iaitu pengetahuan, pandangan dan kesiediaan menggunakan sulh. Penerangan tentang kajian termasuklah aspek penyertaan secara sukarela dan kerahsiaan maklumat disampaikan kepada responden. Borang soal selidik diedarkan kepada responden yang bersetuju untuk turut serta dalam kajian selepas sesi terakhir kursus yang mana 15-20 minit diperlukan untuk setiap responden melengkapkan borang soal selidik tersebut.

ANALISIS HASIL KAJIAN

Analisis deskriptif iaitu kekerapan dan peratus digunakan bagi memperihalkan ciri demografi responden, pengetahuan, pandangan dan kesiediaan responden menggunakan sulh. Statistik inferensi iaitu analisis Korelasi Pearson pula digunakan untuk mengukur perkaitan antara umur, pengetahuan dan pandangan dengan kesiediaan responden menggunakan sulh. Manakala analisis regresi digunakan untuk menentukan faktor peramal unik kesiediaan responden menggunakan sulh.

Demografi Responden Kajian

Jadual 1 menunjukkan umur responden kajian adalah dalam julat umur 19 hingga 41 tahun dan ke atas. Peratusan tertinggi responden adalah dalam julat umur 25 hingga 29 tahun (58.4 peratus, n=246), diikuti dengan responden yang berumur dalam julat 19 hingga 24 tahun (26.6 peratus, n=112), julat umur 30 hingga 35 tahun (12.1 peratus, n=51), julat umur 36 hingga 40 (2.6 peratus, n=11) dan julat umur 41 tahun dan ke atas (0.2 peratus, n=1). Hal ini bertepatan dengan komposisi responden iaitu peserta kursus pra-perkahwinan yang majoritinya

merancang perkahwinan buat kali pertama. Mengenai taburan responden pula didapati jumlah responden perempuan melebihi responden lelaki.

Jadual 1 : Demografi Responden n=421

Pemboleh Ubah	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Umur		
19-24	112	26.6
25-29	246	58.4
30-35	51	12.1
36-40	11	2.6
41 ke atas	1	0.2
Jantina		
Lelaki	203	48.2
Perempuan	208	51.8
Jumlah	421	100.0

Pengetahuan Mengenai Sulh

Berdasarkan Jadual 2 terdapat tiga tahap untuk mengukur pengetahuan sulh iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Responden dikehendaki menjawab empat belas soalan yang menguji pengetahuan mereka mengenai sulh. Hasil kajian melaporkan sebanyak 18.8 peratus (n=79) responden melaporkan pengetahuan berkaitan sulh di tahap tinggi. Ini diikuti dengan 70.5 peratus (n=297) responden mempunyai pengetahuan berkaitan sulh pada tahap sederhana. Hanya 10.7 peratus (n=45) responden yang melaporkan pengetahuan berkaitan sulh pada tahap rendah.

Jadual 2 : Pengetahuan Mengenai Sulh

Pengetahuan	Frekuensi (N)	Peratus(%)
Rendah	45	10.7
Sederhana	297	70.5
Tinggi	79	18.8
Jumlah	421	100.0

Pandangan Mengenai Sulh

Responden dikehendaki menjawab sepuluh soalan yang mengukur pandangan mengenai sulh. Jadual 3 menunjukkan kebanyakan responden (69.6 peratus, n=293) mempunyai pandangan pada tahap sederhana. Manakala 18.1 peratus (n=76) responden melaporkan pandangan pada tahap rendah dan 12.4 peratus (n=52) mempunyai pandangan yang tinggi mengenai sulh.

Jadual 3 : Pandangan Mengenai Sulh

Pandangan	Frekuensi (N)	Peratus(%)
Rendah	76	18.1
Sederhana	293	69.6
Tinggi	52	12.4
Jumlah	421	100.0

Kesiediaan Menggunakan Sulh

Jadual 4 merupakan analisis kesiediaan responden menggunakan sulh dalam menyelesaikan pertikaian keluarga. Responden dikehendaki menjawab enam soalan. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden (78.4 peratus, n=330) melaporkan kesiediaan menggunakan sulh pada tahap sederhana. Sebanyak 14.3 peratus (n=60) responden bersedia menggunakan sulh pada tahap tinggi, diikuti dengan 7.4 peratus (n=31) responden yang bersedia menggunakan sulh pada tahap rendah.

Jadual 4 : Kesiediaan Menggunakan Sulh

Kesiediaan	Frekuensi (N)	Peratus(%)
Rendah	31	7.4
Sederhana	330	78.4
Tinggi	60	14.3
Jumlah	421	100.0

Perkaitan Antara Pengetahuan, Pandangan dan Kesiediaan Menggunakan Sulh

Analisis korelasi Pearson telah digunakan untuk menentukan perkaitan antara pengetahuan dengan kesiediaan menggunakan sulh. Hasil kajian mendapati terdapat perkaitan positif dan signifikan antara pengetahuan dengan kesiediaan menggunakan sulh ($r=0.176$, $p=0.000$). Perkaitan positif bermaksud semakin tinggi pengetahuan responden mengenai sulh semakin tinggi tahap kesiediaan untuk menggunakannya. Dapatan ini membuktikan kesiediaan responden untuk menggunakan sulh sebagai kaedah alternatif dalam menyelesaikan pertikaian keluarga adalah dipengaruhi oleh pengetahuannya.

Jadual 5 : Korelasi antara Pengetahuan dengan Kesiediaan

Pemboleh ubah	Kesiediaan Menggunakan Sulh	
	r	p
Pengetahuan Mengenai sulh	0.176**	0.000

Nota: $p \leq 0.05$, ** $p \leq 0.01$, *** $p \leq 0.00$

Analisis korelasi Pearson juga digunakan untuk menentukan perkaitan antara pandangan mengenai sulh dengan kesiediaan menggunakannya. Jadual 6 menunjukkan nilai r ialah 0.809 dan nilai p ialah 0.000 yang bermaksud terdapat perkaitan positif dan signifikan antara pandangan mengenai sulh dengan kesiediaan menggunakannya. Perkaitan positif bermaksud semakin tinggi pandangan responden mengenai sulh semakin tinggi tahap kesiediaan untuk menggunakannya. Dapatan ini turut membuktikan kesiediaan responden untuk menggunakan sulh sebagai kaedah alternatif dalam menyelesaikan pertikaian keluarga adalah dipengaruhi oleh pandangannya mengenai sulh.

Jadual 6 : Korelasi antara Pandangan dan Kesiediaan

Pemboleh ubah	Kesediaan Menggunakan Sulh	
	r	p
Pandangan Mengenai Sulh	0.809**	0.000

Nota: $p \leq 0.05$, ** $p \leq 0.01$, *** $p \leq 0.001$

Faktor Peramal Kesediaan Menggunakan Sulh

Analisis regresi berganda telah digunakan untuk menentukan faktor peramal unik kesediaan responden dalam menggunakan sulh sebagai kaedah alternatif penyelesaian pertikaian keluarga. Dapatan kajian ini menunjukkan model regrasi adalah signifikan. Pandangan merupakan faktor peramal paling kuat di mana sebanyak 65.5 peratus varian kesediaan menggunakan sulh dapat dijelaskan oleh pandangan dengan nilai $F = 200.314$ pada aras signifikan $p < 0.001$. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7, nilai Beta (β) menunjukkan pandangan sebagai faktor yang paling mempengaruhi kesediaan menggunakan sulh ($\beta = 0.798$, $p < 0.01$).

Jadual 7 : Analisis Regresi Kesediaan Menggunakan Sulh Sebagai Kaedah Alternatif

Pemboleh Ubah	Kesediaan Menggunakan Sulh		
	B	Beta, β	P
Pengetahuan	0.068	0.040	0.001
Pandangan	0.463	0.798	0.001
<i>Adjusted R²</i>		0.655	
F		200.48	

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara pengetahuan, pandangan dan kesediaan menggunakan sulh sebagai kaedah alternatif dalam menyelesaikan masalah keluarga. Ini bermaksud kesediaan orang Islam untuk menggunakan sulh adalah dipengaruhi oleh pengetahuan dan pandangan mereka mengenai sulh. Hasil ujian regresi pula menunjukkan pandangan adalah faktor peramal yang paling mempengaruhi kesediaan menggunakan sulh dalam kalangan orang Islam di Selangor. Dapatan ini memberi implikasi bahawa sebarang inisiatif atau program untuk menggalakkan kesediaan menggunakan sulh sebagai kaedah alternatif penyelesaian pertikaian dalam kalangan orang Islam perlu memberi penekanan kepada aspek pembinaan pengetahuan dan pandangan yang positif terhadap sulh.

SUMBANGAN PENULIS

Sa'odah Ahmad : Pengkonsepkan, Metodologi, Penulisan - Penyediaan Draf Asli;
 Mohammad Arif Johari : Metodologi dan Analisis Data;
 Rojanah Kahar : Penulisan dan Persembahan Data
 Muslihah Hasbullah : Penulisan - Semak dan Edit;
 Elistina Abu Bakar : Penulisan - Semak dan Edit.

KONFLIK KEPENTINGAN

Manuskrip ini belum pernah diterbitkan di mana-mana jurnal atau dalam proses semakan di mana-mana jurnal. Semua penulis bersetuju dengan semakan, bersetuju dengan penghantaran dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan terhadap manuskrip ini.

PENGIKTIRAFAN

Kajian ini ditaja oleh Skim Geran Putra, Universiti Putra Malaysia: GP9562300.

RUJUKAN

- Chua, E. (2019). Mediation in the Singapore Family Justice Courts: Examining the mandatory mediation model under the judge-led approach. *Civil Justice Quarterly*. 38, 97-110.
- Dickenson, H. (2023). Mandatory mediation – A standard step. <https://www.hilldickinson.com/insights/articles/compulsory-mediation-standard-step>
- Dunnett v Rairack* [2002] 2All ER 850
- JAKESS, Bahagian Penyelesaian Alternatif (2024). <https://mais.gov.my/artikel-dakwah/perdamaian-tanpa-bersengketa-sulh/>
- Korsakoviene, I. (2023). Mandatory mediation in family disputes. *Review of European and Comparative Law*. Vol. 53, No. 2, 67–99.
- Majlis Sulh (2024). <https://www.jakess.gov.my/images/pdf/hakam/sulh.pdf>
- Manual Kerja Sulh (2024). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. <https://www.jksm.gov.my>
- Mohamad Ridzuan Zainudin. (2009). Antara sulh dan mediasi yang mana dekat di hati. Muzakarah Pegawai-pegawai sulh Seluruh Malaysia, Anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. 15-17 Mac 2009.
- Mohd Fuad Mohd Salleh & Jamilah Othman (2015), Peranan Pegawai Sulh Dalam Penyelesaian Konflik Keluarga Islam, <http://www.academia.edu/2492485>.
- Norlia Bte Abd Aziz lwn. Md Yusof bin A Rahman* [2004] 5 MLJ 538
- Nur Khalidah Dahlan, Mohd. Rizal Palil, Mohamad Abdul Hamid & Noor Inayah Yaakub (2017). Kaedah penyelesaian pertikaian alternatif dari sudut Syariah di Malaysia, *JONUS: Journal of Nusantara Studies 2017*, Vol. 2(1) 86-98.
- Sa'odah Ahmad, Rojanah Kahar & Muslihah Hasbullah. (2013). Mediasi sebagai kaedah penyelesaian alternatif dalam pertikaian keluarga. *Jurnal ILIM, Bil. 6*, September, 107-130.
- Sa'odah Ahmad. (2012). User satisfaction with sulh (mediation) in the Selangor Syariah Courts, *Jurnal Pengguna Malaysia*, Vol. 19, December, 128-142
- Sa'odah Ahmad & Nora Abdul Hak, (2010). Family mediation, and sulh: An alternative dispute resolution in Malaysia, *International Journal of Social Policy and Society*, Vol. 7, 66-79.
- Sa'odah Ahmad & Nora Abdul Hak. (2010a). Sulh (Mediation) in the state of Selangor. An analysis of legal provision and its application. *International Islamic University Law Journal*, Vol. 18, No. 2, 213-237
- Tjersland, O. A., Gulbrensen, & Haavin, H. (2015). Mandatory mediation outside the court: A process and effect study. *Conflict Resolution Quarterly*, 33(1). 1-16.
- Towpek, H., Affandie, A. S., Aziz, A., Azmi, A., Omar, M., & Kamal Basir, M. Z. (2023). Sulh dalam perundangan islam: analisis literatur utama. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8(56), 439-460.
- Zaleha Kamaruddin. (2004). Kajian Kelewatan dalam Pengendalian Kes-kes Perceraian di Mahkamah-Mahkamah Syariah di Negeri Selangor (1997-2002). https://www.muftiselangor.gov.my/wp-content/uploads/2024/01/buletin-at-taqwa-bil.-4_compressed.pdf